



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9  
TAHUN 2013**

---

**PEMAKAIAN *TWO/THREE - PIECE PANT SUIT* BAGI  
PEGAWAI AWAM WANITA SEMASA BEKERJA**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan yang membenarkan pemakaian *two/three - piece pant suit* bagi pegawai awam wanita semasa bekerja.

**LATAR BELAKANG**

2. Peraturan mengenai etiket pakaian pegawai awam semasa bertugas dinyatakan dalam peraturan 6, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] yang dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 mengenai Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam. Perenggan 2.2.1 pekeling ini menyatakan "*slacks*" atau pakaian seluar tidak dibenarkan pemakaiannya bagi pegawai wanita semasa bekerja atau menghadiri upacara rasmi.

## **DASAR BARU**

3. Bersesuaian dengan kepelbagaian bidang yang diceburi oleh kaum wanita dalam perkhidmatan awam ketika ini, maka Kerajaan membenarkan pemakaian *two/three - piece pant suit* bagi pegawai awam wanita semasa bekerja atau menghadiri upacara rasmi kecuali upacara tersebut telah menetapkan pakaian tertentu. Contoh *two/three - piece pant suit* adalah seperti di Lampiran A dan B.

## **TARIKH KUATKUASA**

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

10 Oktober 2013

***Two-Piece Pant Suit***



*Three-Piece Pant Suit*

